

# Lawatan PM buka bidang baru dagangan dengan Poland

Daripada  
MOHD. KAMIL YUSUFF  
UM 20 MAR 2002

WARSAW 19 Mac — Beberapa bidang baru dikenalpasti boleh diteroka oleh usahawan Malaysia di Poland seperti industri perkapalan, pelancongan, kebudayaan dan perbankan bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara.

Duta Malaysia ke Poland, Datuk Ng Bak Hai berkata, bidang-bidang tersebut yang merupakan antara bidang perdagangan utama Poland, boleh diterokai melalui perkongsian pintar dengan usahawan tempatan.

Menurutnya, usahawan Poland pula boleh melabur dalam pelbagai bidang di Malaysia khususnya bidang teknologi maklumat (IT) melalui Koridor Raya Multimedia (MSC).

“Beberapa syarikat IT di

sini telah menunjukkan minat untuk membuka tapak mereka di MSC,” ujarnya kepada pemberita Malaysia di sini, lewat petang ini.

Menurut Ng, lawatan tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bermula Khamis ini bukan sahaja akan menjalin hubungan kerjasama dua hala yang lebih erat antara kedua-dua buah negara tetapi memberi kelebihan kepada usahawan Malaysia dan Poland untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan mereka.

Katanya, hubungan kerjasama Malaysia-Poland telah terjalin sejak 30 tahun lalu dan lawatan pertama Dr. Mahathir ini sejak beliau menjadi Perdana Menteri, membawa erti yang lebih besar kepada hubungan kedua-dua buah negara.

Beliau memberitahu,

Dr. Mahathir dan rakan sejawatnya, Leszek Miller akan mengadakan perbincangan dua hala dengan tumpuan utama kepada kepentingan bersama dan isu-isu serantau serta antarabangsa.

Pertemuan antara kedua-dua buah negara itu akan menyediakan peluang kepada kedua-dua negara untuk meluaskan skop kerjasama bagi meliputi bukan sahaja bidang ekonomi dan perdagangan tetapi juga sektor pelancongan, seni dan budaya.

Dr. Mahathir juga akan menemui Presiden Aleksander Kwasniewski selain menyaksikan demonstrasi armada tentera laut di Gdansk, termasuk pertunjukan kapal penyelamat, kapal pemusnah periuk api dan helikopter penyelamat marin.